

Banjir kilat boleh diatasi dengan menaik taraf anak sungai

SINAR 11.1.2008 M/S16

Anggaran kos oleh JPS Selangor bagi menaik taraf anak sungai ini ialah sekitar RM2.8 juta.

■ AZIMAH GHAZALI

SELAYANG BARU - Kejadian banjir kilat yang kerap berlaku di Jalan 30, di sini dan sekitarnya diharap dapat diatasi selepas kerja-kerja naik taraf dilakukan oleh pihak Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) tidak lama lagi.

Jurutera daerah JPS Gombak, Tajudin Sulaiman berkata, langkah untuk menaik taraf sudah lama dikemukakan dan ia termasuk dalam peruntukan belanjawan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9).

"Projek naik taraf yang akan dilaksanakan di sini ialah dengan membina saliran kira-kira 2.7 meter lebar, 1.5 meter dalam dan 500 meter panjang di anak Sungai Jinjang melalui Jalan 30.

"Buat masa sekarang kita sedang menunggu ke-



Tajudin Sulaiman (kemeja berpetak) berbincang dengan penduduk mengenai masalah banjir.

lulusan kerajaan negeri dan akan memulakan kerja-kerja pada tahun ini juga," katanya ketika ditemui semasa membuat lawatan di sini.

Menurutnya, anak-

anak sungai dan 'main drain' adalah di bawah tanggungjawab JPS manakala longkang-longkang pula adalah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sementara itu, AJK Surau Ar-Tarbiyah Darul Falah, Sulaiman Ijas, berkata, Jalan 37 iaitu di kawasan rumahnya adalah antara yang terjejas dan kerap banjir setiap kali



TAJUDIN SULAIMAN

berlaku hujan.

"Saya telah membuat aduan berkenaan perkara ini iaitu sejak tahun 2005 atas nama surau kepada pihak Kejuruteraan MPS, namun sehingga ini belum ada apa-apa tindakan.

"Diharap dengan menaiktarafkan anak Sungai Jinjang yang melalui Jalan 30 ini, masalah banjir yang berpunca dari situ sehingga menjejaskan sekitarnya akan dapat diatasi," katanya.

Anggaran kos oleh JPS Selangor bagi menaik taraf anak sungai ini ialah sekitar RM2.8 juta.